

10.

Utusan Malaysia

18/07/2005

Isu AP senarai teratas PAC.

KUALA LUMPUR, Ahd. - Selepas merumuskan projek penswastan limbungan dan pembinaan Kapal Generasi Baru (NGPV) Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sebagai gagal, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (PAC) meletakkan isu Permit Import (AP) kereta dalam senarai teratas perkara yang akan disiasat. Pengerusinya, Datuk Shahrir Abdul Samad berkata, beberapa projek besar kerajaan juga tidak akan terlepas daripada pemantauan jawatankuasa tersebut terutama membabitkan kawalan perbelanjaan wang kerajaan. "Untuk isu AP, PAC akan membuat penilaian dengan memanggil pihak terbabit seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Ini bagi mengetahui berapakah nilai cukai yang sepatutnya kerajaan dapat berdasarkan jumlah AP yang diberikan, jika tidak banyak masuk, maka kita boleh meminta penjelasan dibuat," katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini. Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai perkara dan projek besar penswastan lain yang akan disiasat oleh PAC.

Sebelum ini, isu AP mencetuskan polemik hangat termasuk pada perbahasan sidang Dewan Rakyat, setelah Tun Dr. Mahathir Mohamad menyentuh mengenai perkara itu yang dikatakan menjejaskan kedudukan syarikat kereta nasional, Proton Holdings Bhd. Dr. Mahathir turut menggesa kerajaan mendedahkan senarai pemegang AP kerana mendakwa terdapat ketidakseimbangan dalam pemberian AP pada tahun lepas. Utusan Malaysia dalam laporannya pada awal bulan lalu mendedahkan sumber industri menganggarkan kerajaan mengalami kerugian RM1 bilion setahun kerana penyelewengan pemegang AP. Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam wawancara eksklusifnya dengan Minggu Malaysia hari ini berkata: "Ada kumpulan-kumpulan yang tidak patut dapat AP tetapi mereka dapat. Ada yang dapat lebih daripada yang sepatutnya."

Menurut Shahrir, dalam hal ini, PAC tidak bergantung kepada desakan atau laporan mana-mana pihak untuk menyiasat sesuatu projek sebaliknya mengambil inisiatif sendiri. Jelasnya, PAC akan mengadakan mesyuaratnya pada bulan depan untuk menentukan apakah projek besar kerajaan yang akan disiasat. "PAC yang dianggotai oleh penyokong kerajaan dan pembangkang mengambil peranan untuk menghidupkan lagi fungsi Parlimen. Dari satu segi, kita sebenarnya membantu kerajaan kerana secara asasnya kami bertindak untuk kepentingan negara dan bukannya individu," katanya.

- Helmi Mohd Foad